Kepupusan hidupan liar ancam manusia

Aktiviti pembangunan infrastruktur dan pertanian mengabaikan kepentingan habitatnya ditambah tindakan pihak tertentu memburu serta membunuhnya secara haram, membuatkan sesetengah spesies hidupan liar negara kini diancam kepupusan. Perbuatan tidak bertanggungjawab itu bukan setakat mengganggu kitaran hidupan liar di dalam hutan, malah dalam jangka panjang ia akan membawa kesan buruk serta bertukar menjadi ancaman kepada kehidupan manusia. Wartawan BH, **JUNITA MAT RASID dan SUZALINA HALID menemu bual Pakar Ekologi Hidupan Liar, Prof Dr Mohamed Zakaria Hussin dan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim,** mengenai kepentingan menjaga dan memulihara hidupan liar negara ini

Kepentingan kewujudan hidupan liar ini yang jika musnah boleh memberi kesan, antaranya menyebabkan ekosistem tidak seimbang.

Mohamed Zakaria Hussin,
Pakar Perhutanan yang juga Profesor Ekologi Hidupan Liar

S: Apa sebenarnya kepentingan menjaga populasi hidupan liar?

J: Empat kepentingan kewujudan hidupan liar ini yang jika musnah boleh memberi kesan, antaranya menyebabkan ekosistem tidak seimbang. Sebagai contoh jika populasi kera atau gagak berlebihan, ia mungkin boleh mendatangkan mudarat dari segi kesihatan mereka kerana haiwan ini boleh membawa penyakit.

Hidupan liar juga amat penting dalam perkhidmatan ekologi di mana mereka terbabit dalam penyebaran biji benih di hutan. Yang memperkayakan hutan kita adalah hidupan liar; mereka buat kerja 24 jam sehari menyebarkan biji benih. Kalau kita jaga hidupan liar ini sebagai ejen penyebaran biji benih, maka kita tak payah buat program tanaman pokok. Hidupan liar menyebarkan biji benih dalam kalangan pelbagai spesies pokok di merata tempat dalam hutan, jadi biodiversiti kita terjaga.

Hidupan liar juga penting sebagai ejen pendebungaan, kalau tiada hidupan liar mana nak ada buah durian. Kalau tanam pokok durian, kita kena pastikan ada kelawar sebagai ejen pendebungaan. Selain itu, mereka juga bertindak sebagai pengawal serangga perosak seperti tenggiling yang tolong menjaga pokok durian. Tumbuhan dan hidupan liar saling memerlukan. Apabila satu daripadanya pupus, bayangkan apa akan jadi?

S: Sejauh mana Prof melihat usaha melindungi hidupan liar di negara ini?

J: Kita dapat lihat evolusi aspek perundangan terutama berkaitan hidupan liar. Sebelum ini, akta kita lebih kepada pengurusan dan perlindungan hidupan liar melalui Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Kemudian kita rasa akta itu tidak cukup kuat sebab tidak menakutkan kerana hanya membabitkan hukuman denda RM1,000 hingga RM2,000 bagi setiap kesalahan.

Justeru, kita ubah akta itu kepada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 di mana hukuman dan penalti ditambah. Melalui akta baharu ini, selain hukuman penjara sedia ada, ia juga membabitkan hukuman lebih berat iaitu denda sehingga RM500,000 menyebabkan orang awam lebih berhati-hati dalam isu hidupan liar ini. Selain itu, melalui akta ini juga ribuan spesis hidupan liar dimasukkan dalam senarai dilindungi supaya berada di bawah kawalan. Contohnya burung ada lebih 1,000 spesis di bawah kawalan, serta 600 mamalia.

Kita juga tambah kumpulan amfibia seperti katak, serangga, ikan dalam senarai dilindungi sepenuhnya. Kita masukkan sama hak Orang Asli dalam isu ini apabila mereka hanya dibenarkan untuk memburu hidupan liar untuk dijadikan makanan, namun ia menjadi kesalahan jika dijual. Di zoo pula, kerajaan mewajibkan permit untuk taman haiwan itu membela hidupan liar. Jadi kita nampak komitmen kerajaan dalam melindungi spesis hidupan liar di negara ini.

S: Apa cabaran dihadapi dalam usaha pemuliharaan hidupan liar?

J: Kerap kali kehendak manusia dan kehendak hidupan liar bertembung, menjadikan ia halangan terbesar dalam pengurusan hidupan liar. Konflik sering berlaku dalam soal pertembungan penggunaan tanah. Jika berlaku pencerobohan hidupan liar contohnya di kawasan penempatan, selalunya hidupan liar akan dipersalahkan. Kita yang menebang hutan yang pada asalnya menjadi habitat hidupan liar, tetapi apabila ia datang ke kawasan yang sudah ditebang itu kita marah.

Kita juga berdepan jenayah siber iaitu penjualan hidupan liar melalui laman gelap yang membabitkan urus niaga pada peringkat antarabangsa. Apabila wujud permintaan, berlakunya penyeludupan hidupan liar. Isu perhutanan dan hidupan liar cukup sensitif kerana kita juga berdepan perbezaan undang-undang di mana hutan adalah kepunyaan negeri, manakala hidupan liar pula di bawah Kerajaan Pusat.

S: Bagaimana pula dengan peranan Orang Asli. Adakah turut berlaku konflik dengan hidupan liar?

J: Kehadiran Orang Asli tidak begitu mengancam kerana mereka memang dari dulu duduk di hutan. Ancaman terhadap hidupan liar teruk berlaku kerana masyarakat luar menceroboh habitat hidupan liar. Di Universiti Putra Malaysia (UPM), kita banyak mendidik Orang Asli melalui program kesedaran, khususnya di Pahang dan Perak. Mereka diberitahu masih boleh memburu spesis tertentu untuk dijadikan makanan seperti kera, tetapi jangan sampai memburu harimau atau badak sumbu yang diancam kepupusan.

Selain itu kita membabitkan mereka dalam projek pemeliharaan hidupan liar, contohnya melalui projek memelihara burung enggang yang di Temenggor-Belum di Perak. Kita bayar Orang Asli untuk jaga burung enggang di situ dan memberi maklumat kepada kita jika ternampak sarang haiwan itu untuk direkodkan.

Begitu juga projek menjaga tenggiling di Tapah, Perak. UPM bekerjasama dan mendidik Orang Asli bahawa tenggiling tidak sepatutnya diburu kerana kehadiran mereka menjaga pokok durian. Ini kerana tenggiling makan anak-anai yang selalu merosakkan pokok durian. Justeru mereka berminat untuk memelihara tenggiling kerana kelebihannya dalam menjaga pokok durian.

S: Bagaimana Prof lihat sasaran meningkatkan populasi harimau menjelang 2020?

J: Ia kena selari dengan keadaan hutan negara kita. Kalau hutan semakin mengecil, bagaimana populasi harimau nak meningkat sebab asas utama kehidupan ialah habitat. Kalau kita ada 1,000 harimau, tetapi hutan tiada dan habitat mereka juga tidak dijaga, ia tidak akan berhasil.

Begitu juga gajah yang habitatnya tidak cukup. Gajah yang kita temui tak tahu nak dipindahkan ke mana berikutan habitat mereka di Kenyir pun sudah penuh.

S: Bagaimana Prof melihat masa depan Malaysia dalam aspek pemuliharaan hidupan liar?

J: Ada sesetengah hidupan liar ini bergerak tanpa sempadan. Jadi jika Malaysia sahaja yang ambil inisiatif memulihara hidupan liar tanpa komitmen sama ditunjukkan negara luar, bagaimana nak memulihkan populasi hidupan liar pada peringkat antarabangsa. Jadi kerjasama antara negara lain perlu dilakukan lebih meluas. Contohnya melalui kerjasama Malaysia dan Thailand dalam pemeliharaan burung enggang. Inisiatif sama perlu dibuat terhadap hidupan liar lain.

Nilai pasaran spesies hidupan liar

- Harimau - RM30,000
- Gajah Asia - RM50,000
- Badak Sumatera - RM500,000
- Seladang - RM30,000
- Tapir - RM25,000
- Beruang Matahari - RM10,000
- Kambing Gurun - RM5,500
- Rusa Sambar - RM2,500
- Ungka - RM2,000
- Kijang - RM1,500
- Kucing Hutan - RM1,500
- Kucing Batu - RM1,000
- Kuang Raya - RM3,000
- Orang Utan Borneo - RM50,000
- Binturong - RM10,000

Konflik manusia, haiwan punca spesies fauna pupus

S: Sejauh mana serius konflik haiwan dilindungi dengan manusia?

J: Pada 60 atau 70 tahun lalu, negara kita diliputi hutan tebal, namun selepas pembangunan pesat habitat hutan semakin mengecil. Sekumpulan kira-kira 10 gajah memerlukan kawasan seluas 80 hingga 100 kilometer (km) persegi. Apabila habitat semakin mengecil, hidupan liar akan keluar dari hutan sehingga mewujudkan konflik dengan manusia.

Masalah gangguan hidupan liar seperti gajah, babi hutan dan kera berpunca limpahan populasi di kawasan habitat terhad atau hutan yang terpisah. Berdasarkan rekod, sejak 2013 hingga 2017, 20,198 aduan diterima susulan konflik kera, diikuti 4,054 membabitkan babi hutan dan 1,988 pencerobohan gajah.

S: Bagaimana aktiviti pemburu haram mengancam hidupan liar?

J: Aktiviti pemburu haram dan pemasangan jerat menyebabkan penurunan hidupan liar. Ada yang belajar memasang jerat di Youtube dan menjual hidupan liar melalui media sosial. Permintaan untuk hidupan liar di luar negara sebagai makanan eksotik dan konnonya untuk tujuan perubatan sentiasa tinggi. Antara yang menjadi sasaran ialah gading gajah dan daging harimau, seladang, rusa, kijang dan tapir. Ia menyebabkan populasi hidupan liar semakin menurun. Bayangkan harga seekor harimau boleh mencecah RM200,000 sebab itulah orang 'gelap mata' dan memburu hidupan liar.

Dalam setiap operasi kita menjumpai ratusan jerat haiwan. Sudah beribu jerat kita musnahkan, tetapi masih ada. Contohnya, kita musnahkan 150 jerat dalam tempoh beberapa hari pemantauan, tetapi apabila masuk semula ke hutan dua minggu kemudian, kita tetap menjumpai jerat baharu dipasang.

Faktor utama kepupusan hidupan liar disebabkan pemburuan haram dan pemasangan jerat. Ada pemburu rakyat tempatan dan warga asing. Kebanyakan mereka memasang jerat kerana lebih mudah dan murah. Sekumpulan pemburu boleh memasang antara 20 hingga 30 jerat sehari di laluan hidupan liar.

S: Apakah operasi dijalankan untuk memerangi pemburu haram selama ini berkesan?

J: Menerusi Ops Belang, seramai 25 penceroboh dan penjenayah hidupan liar ditahan di kawasan Taman Negara Malaysia antara Januari hingga September lalu. Daripada jumlah itu, 12 adalah rakyat tempatan dan selebihnya warga Thailand, Vietnam, Kemboja dan Myanmar. Sepanjang Januari hingga Ogos lalu, kita membuat rondaan di hampir 200 kawasan dan merampas 374 jerat dan 23 senjata.

Setakat ini (operasi di Hutan Tropika Belum-Temenggor) sahaja, kita berjaya menahan dua penceroboh warga Thailand dan merampas 15 duri landak, dua taring haiwan liar, dua kura-kura, seekor musang. Selain itu, kita turut merampas empat jerat kabel, 13 racik dan tiga jerat nilon. Pihak penguat kuasa turut merampas 6.1 kilogram (kg) kayu gaharu.

S: Adakah Datuk rasa undang-undang sedia ada mencukupi?

J: Ketika ini PERHILITAN sedang merangka pindaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716). Skop pindaan membabitkan penyelarasan dan pengukuhan hukuman kesalahan dengan meningkatkan penalti sehingga 15 tahun penjara dan denda lebih RM1 juta mengikut jenis kesalahan.

Cadangan pindaan ini akan membabitkan 74 seksyen sedia ada dan pertambahan tujuh seksyen baharu bagi mengukuhkan peruntukan sedia ada, serta pelaksanaan penguatkuasaan dan mewujudkan peruntukan baharu selaras usaha jabatan untuk memulihara hidupan liar dan habitatnya.

S: Beberapa spesies hilang akibat kepupusan. Boleh Datuk Jelaskan?

J: Kita sudah hilang tiga spesies termasuk Badak Jawa atau Javan Rhino yang kali terakhir ditembak pada 1932. Ia kini dipamerkan di muzium di London. Badak Jawa kini hanya ada di lokasi terpencil di Pulau Jawa, Indonesia.

Kita juga kehilangan Banteng iaitu haiwan seperti Seladang, tetapi saiz lebih kecil. Selain itu burung Merak Hijau juga sudah pupus di habitat asal dan hanya terdapat di zoo luar negara. Kini kita sedang membiakkan burung Merak Hijau dan Banteng menerusi kerjasama dengan zoo dan pusat konservasi luar negara. Pada masa sama sejak 10 tahun lalu kita sudah tidak jumpa kesan Badak Sumatera di Semenanjung Malaysia dan kini hanya seekor masih ada di Sabah.

Haiwan yang berisiko tinggi pupus pula termasuk gajah, rusa, seladang dan harimau. Jangan hairan jumlah rusa semakin rendah berbanding kambing gurun yang turut menghadapi kepupusan, tetapi masih ada di kawasan tertentu. Kambing gurun juga menjadi mangsa pemburu haram. Pandangan pemburu ialah semua haiwan boleh dijadikan ubat sedangkan tiada bukti perkara itu.

S: Bagaimana Datuk melihat soal pengecilan kawasan rayau hidupan liar?

J: Kita tidak menolak populasi hidupan liar semakin berkurangan disebabkan kawasan rayau semakin mengecil. Kementerian menjalankan banyak inisiatif untuk mengatasi isu ini. PERHILITAN sendiri mempunyai kawasan perlindungan seperti Taman Negara yang menjadi antara hutan besar, selain hutan simpan kekal di bawah Jabatan Perhutanan.

Pada masa akan datang, mungkin kawasan hidupan liar ini akan terus mengecil dan trend ini bukan saja berlaku di Malaysia, malah di luar negara juga. Kita perlu memikirkan langkah mengatasi isu ini kerana hidupan liar adalah aset, khazanah dan lambang imej negara. Bayangkan tiada lagi harimau di habitat asal. Bagaimana kita mahu memastikan hidupan liar terus kekal dan membiak.

Selain itu, dalam tempoh lima tahun ini lebih 3,000 hidupan liar seperti gajah, harimau, rusa, tapir, kucing hutan dan kijang mati dilanggar kenderaan. Sepanjang 2017 saja, kita merekodkan 25 kematian tapir akibat dilanggar kenderaan, manakala tahun lalu hingga Januari tahun ini, lebih 10 lagi mati dilanggar kenderaan.

S: Benarkah Malaysia disenarai hab penyeludupan haiwan?

J: Kita menjadi hab penyeludupan dan transit hidupan liar dan ia memang (didalangi) sindiket antarabangsa. Antara faktor ialah kita mempunyai rangkaian jalan raya yang baik dan ia memudahkan penyeludup. Saya pernah bertanya kepada penyeludup mengenai perkara ini dan dimaklumkan bahawa harga hidupan liar di pasaran gelap lebih mahal jika haiwan itu berasal dari Malaysia.

Kita sudah menahan banyak pemburu haram, tetapi pasti akan wujud kumpulan baharu. Biasanya warga asing memasuki Malaysia secara sah dan orang tengah adalah rakyat tempatan sendiri yang turut memasarkan hidupan liar. Malaysia menjadi sasaran kerana kita masih mempunyai banyak hidupan liar dan jika tiada langkah dijalankan, jumlah haiwan ini akan terus menurun sehingga akhirnya pupus.

Pemburu haram biasanya memasuki hutan kira-kira tiga bulan dan mempunyai dua kerja dalam satu masa iaitu mencuri gaharu dan memburu hidupan liar. Hutan kita tebal dan banyak laluan masuk.

PERHILITAN memandang serius perkara ini dan melaksanakan inisiatif baharu bagi mengekang sindiket ini daripada terus berleluasa termasuk menerusi cadangan pindaan Akta 716 bagi meningkatkan hukuman denda dan penjara. Kita juga menjalankan kempen Selamatkan Harimau Malaya bertujuan memusnahkan rangkaian sindiket bermula dari pemburu haram kepada orang tengah dan seterusnya penyeludup.

S: Apa nasib harimau di Semenanjung?

J: Pemeriksaan di hampir semua habitat mendapati populasi harimau kurang 200 ekor, berbanding 500 dalam tempoh 10 tahun lalu. Pada 1950-an terhadap lebih 2,000 harimau, tetapi hari ini jumlahnya menurun kepada kurang 200 ekor. Jika populasi harimau terus menurun sehingga kurang 100 ekor, kita akan mendapati dalam tempoh lima tahun, tiada lagi harimau di habitat asal dan terhadap di pusat konservasi serta zoo.

Sehubungan itu kita sedaya upaya mahu menjaga dan mengawal supaya harimau tidak pupus dalam hutan. Sudah pasti faktor utama kepupusan akibat pemburuan haram dan jerat.

Kita dalam proses membuka Pusat Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTCC) di Lanchang, Pahang, yang akan menempatkan harimau liar ditangkap dan akan dibiakkan sebelum dilepaskan semula ke hutan apabila tiba masanya.

S: Apakah usaha untuk mengelak konflik manusia-hidupan liar berterusan?

J: Contohnya kerjasama antara PERHILITAN dengan kerajaan Perak yang mewujudkan lintasan hidupan liar yang dikenali sebagai 'animals viaduct' di Kilometer 157 Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli yang menghubungkan Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Temenggor. Pembinaannya untuk memberi laluan selamat kepada hidupan liar dan secara tidak langsung dapat memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Selain itu, program pengkayaan habitat turut dijalankan di kawasan sekitarnya untuk menarik perhatian hidupan liar agar melalui lintasan berkenaan.

S: Difahamkan PERHILITAN banyak bekerjasama dengan pihak zoo? Boleh Datuk jelaskan?

J: Kita bekerjasama dalam bentuk Perjanjian Konservasi Hidupan Liar dengan 11 zoo serta pengusaha pameran tetap di seluruh Semenanjung Malaysia. Kerjasama itu membabitkan usaha konservasi hidupan liar antara dua pihak iaitu Program Pinjaman Hidupan Liar, Program Pembiakbakaan Spesies Hidupan Liar serta program latihan bersifat perkongsian kakitangan atau kepakaran. Kerjasama dengan zoo dapat membantu menambah populasi hidupan liar. Bila jumlah haiwan liar bertambah, kita akan minta zoo membuat pelepasan semula ke hutan

S: Boleh kongsi langkah diambil bagi mengatasi kepupusan haiwan ini?

J: Usaha penjagaan digerakkan termasuk penggubalan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2016-2025 yang menyediakan hala tuju dan rangka kerja bagi memelihara kepelbagaian bio dan menggunakannya secara mampan. Kita juga mewujudkan kawasan perlindungan seperti Taman Negara Pahang, Taman Negara Terengganu, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Pulau Pinang dan rizab tanah hidupan bagi kawasan rayau hidupan liar di habitat semula jadi.

Negara juga mewujudkan rangkaian koridor ekologi bagi membentuk satu rangkaian hutan perlindungan yang bersambung bagi kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi, hidupan liar dan alam sekitar melalui pelaksanaan Projek Central Forest Spine dan Inisiatif Heart of Borneo.

Larangan penerbangan 32 pokok buahan hutan berkepentingan fauna dalam kawasan Hutan Simpan Kekal dan tanah kerajaan juga dijalankan selain pemuliharaan spesies pokok yang terancam.

Bayangkan harga seekor harimau boleh mencecah RM200,000 sebab itulah orang 'gelap mata' dan nak cepat senang dengan mengambil jalan mudah memburu hidupan liar.

Abdul Kadir Abu Hashim,
Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN